

01/12/2001

Yang di-Pertuan Agong ke-12 dipilih 12 Disember

Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Majlis Raja-Raja akan bermesyuarat pada 12 Disember ini untuk memilih Yang di-Pertuan Agong ke-12 dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, terpulang kepada majlis itu, yang terdiri daripada sembilan Raja Melayu untuk memilih calon bagi kedua-dua jawatan berkenaan.

Menjawab soalan pemberita selepas melawat Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak di sini, hari ini beliau berkata, Majlis Raja-Raja mempunyai kebebasan penuh untuk membuat pilihan, walaupun berdasarkan sistem giliran, Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin menjadi Yang di-Pertuan Agong baru.

Bagaimanapun, katanya, ada juga Sultan atau Raja yang mempunyai kedudukan paling kanan dari aspek hierarki untuk dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong, tidak berminat menjawat jawatan berkenaan.

"Ini terpulang kepada Raja-Raja. Gabenor tidak terbabit, saya tak terbabit. Mereka ada mesyuarat sesama mereka dan mereka putuskan siapa jadi (Yang di-Pertuan) Agong dan siapa Timbalan.

"Terpulang kepada mereka nak pilih. Kalau nak kira giliran, kali ni (Raja) Perlislah. Dulu ada yang senior, tetapi tak berminat nak jadi (Yang di-Pertuan Agong). Macam Johor, dia tak berminat... Perak pun demikian," katanya.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini petang ini untuk membeli kuih raya di Kompleks Pekan Rabu.

Selain itu, Dr Mahathir turut merasmikan Kompleks Islam Al-Bukhary yang dibina oleh Yayasan Al-Bukhary di Alor Malai, Jalan Langgar, di sini.

Ditanya kemungkinan seseorang Sultan atau Raja yang pernah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong diberikan peluang sekali lagi untuk jawatan berkenaan, Dr Mahathir berkata ia jarang berlaku.

"Ini jarang terjadi kerana ada sembilan Raja. Jadi, akan ambil masa 45 tahun baru sampai giliran, jaranglah giliran itu sampai. Belum lagi ada Raja dapat jadi Agong dua kali," katanya.

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong baru akan dilakukan berikutan kemangkatan Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj di Pusat Rawatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur, 21 November lalu.

Sehingga Yang di-Pertuan Agong baru dipilih oleh Majlis Raja-Raja, Timbalan Yang di-Pertuan Agong sekarang, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menjadi pemangku Yang di-Pertuan Agong.

(END)